



INGIN TANGANI GEJALA PONTENG

Guru praktikal berhasrat bantu sekolah atasi masalah



**BERSAMA
KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani

Kaunselor Berasatir
Seksyen Kaunseling Pelajar
Universiti Putra Malaysia
siti@fatimah@upm.edu.my

Saya kini menjalani latihan amali di sebuah sekolah. Saya berasa bertanggungjawab dengan gejala yang berlaku iaitu masalah ponteng. Sebagai guru praktikal, saya berhasrat membantu pihak sekolah menangani isu ini. Saya berharap puan dapat berkongsi cara membantu pelajar yang sering ponteng sekolah.

GURU BERDEDIKASI
Terengganu

Ponteng adalah kekangan disiplin paling banyak berlaku dan sukar diatasi di sekolah. Antara lain, ponteng bagaikan satu indikator yang menanda aras kelemahan sistem pendidikan Malaysia

yang diimplementasikan melalui Dasar Pendidikan Negara (DPN). Perang media termasuk menerusi akhbar, majalah dan turut membincangkan pro serta kontra kegiatan tidak bermoral ini.

Bagaimanapun, kerajaan bergiat cergas dengan mengobservasi punca dan ikhtiar bagi menekan kemajuan polemik ini.

Paling penting adalah memahami punca kes ponteng sekolah. Punca bercambahnya masalah ini termasuk kurangnya didikan duniawi serta ukhrawi daripada ibu bapa. Ibu bapa hendaklah mengawasi pergerakan dan pergaulan anak supaya terhindar daripada salah laku seterusnya mengatur strategi kehidupan anak supaya dapat menjadi tonggak negara pada masa akan datang.

Bagi menangani punca ini, pelbagai inisiatif diambil pelbagai pihak, antaranya mengadakan sesi kaunseling memabitkan sekolah, ibu

bapa dan remaja itu sendiri.

Menerusi pendekatan ini, masalah yang menyebabkan pelajar ponteng dapat dikesan. Pihak kaunselor harus menerangkan impak negatif aktiviti ponteng supaya pelajar sedar. Hal ini dilihat berkesan demi mengurangkan kadar pertambahan bilangan pelajar yang ponteng sekolah apabila pihak yang berkenaan sudah mengetahui punca gejala ponteng, usaha membanteras juga lebih efektif.

Pelajar haruslah faham gejala ini bukan aktiviti yang menjamin masa depan. Sepatutnya, masa yang terluang diisi dengan ilmu dan pengajaran. Anda boleh membantu pihak sekolah meningkatkan kesedaran menerusi kempen secara berterusan.

Kerajaan pula perlulah menitikberatkan peraturan dan undang-undang kerana pelajar dilihat memandang sebelah mata peraturan sekolah

Apabila peraturan dan hukuman dilaksanakan, pelajapastin sedar kebebasan dikecapi adalah terhad. Kerjasama yang erat dengan pihak polis juga boleh dipraktikkan bagi meningkatkan kesedaran pelajar berkenaan tindakan yang bakal diambil apabila ponteng sekolah.

Pemantapan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di sekolah juga penting bagi mewujudkan pergaulan sihat dalam kalangan pelajar. Ini kerana terdapat juga punca daripada rakan sebaya. Apabila wujudnya pengaruh rakan sebaya, mudah bagi pelajar mencuba perkara baru.

Semua pihak terutamanya pelajar sendiri harus bertanggungjawab membaik pulih sistem pendidikan supaya dapat memacu kejayaan. Atas kesedaran ini, saya amat teruja dengan semangat ditunjukkan anda. Ia adalah tanda anda bakal menjadi seorang guru yang hebat dan prihatin.

SEMANGAT LEPASAN STPM HILANG

Saya pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Keputusan peperiksaan yang lalu tidak melayakkan saya memasuki universiti. Saya semakin tiada semangat. Namun saya tidak mahu berada dalam situasi ini. Saya perlukan bantuan puan untuk memulihkan semangat.†

MAHU BANGKIT
Pahang

Mengalami kekecewaan adalah lumrah dalam kehidupan ini. Ia dirasai dan dihadapi semua orang dalam situasi berbeza. Cara dan kepelbagaian juga fleksibel. Justeru saya berkongsi dengan anda panduan

memulihkan semangat:

1. Apabila emosi terganggu, ia mesti bersebab. Dalam hal ini, ia datang daripada keputusan peperiksaan yang tidak membantu. Jika masih mempunyai impian untuk mempertingkatkan potensi diri, anda perlukan strategi baru bagi menyelidik peluang lain yang tersedia.

Ketahui punca gangguan perasaan iaitu peperiksaan yang lalu terlebih dahulu. Seterusnya anda pasti mengetahui kenapa semangat itu hilang. Selepas kenal pasti punca, cari jalan penyelesaian untuk semua masalah yang timbul.

2. Memberikan masa untuk anda bertenang dan

menerima kenyataan ini. Dengan kedamaian fikiran, anda lebih mampu melihat segala isu dengan lebih baik. Lakukan pelbagai aktiviti yang boleh memberi ketenangan.

3. Selain merehatkan diri, anda juga boleh meneliti semula kelemahan yang ada ketika menjalani peperiksaan lepas.

Jika anda masih ingin memperbaiki keputusan, pilihan menduduki semula mungkin boleh dipertimbangkan. Namun risiko yang ada adalah pengorbanan masa.

Fikirkan hal ini dengan orang yang lebih matang dan rasional serta mampu memberikan panduan

buat anda.

4. Tanamkan dalam hati kata-kata motivasi supaya semangat dapat dipulihkan. Kata-kata motivasi ini kita boleh memperolehnya daripada orang sekeliling, keluarga atau pembacaan.

5. Mendapatkan sokongan moral daripada orang paling rapat dan bersedia mendengar perlakuan anda. Sebaiknya, berjumpa kaunselor secara bersemuka bagi membincangkan perancangan masa depan serta mengetahui peluang-peluang yang tersedia.

6. Apabila memabitkan hati ia susah. Selepas berusaha, kita serahkan semua pada-Nya dengan doa.